

DASAR NEGARA: MAHATHIR BERI PENERANGAN PADA KETUA UMNO

UM 28 MAY 1983

KUALA LUMPUR 27 Mei - Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad petang ini memberikan penerangan sendiri mengenai beberapa dasar negara termasuk Dasar Pandang Ke Timur kepada ketua-ketua penerangan UMNO bahagian dan negeri petang ini "sebab kerap kali pegawai-pegawai UMNO tidak faham dasar-dasar itu".

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, beliau sendiri terpaksa memberikan penerangan mengenai Dasar Pandang Ke Timur, konsep Persyarikatan Malaysia dan pemindahan milik agensi kerajaan ke tangan swasta kepada ketua-ketua penerangan itu untuk memastikan penjelasan yang tepat dapat disampaikan.

"Saya kena membuat penerangan sendiri sebab kerap kali ada pegawai-pegawai UMNO sendiri yang tak faham akan dasar-dasar itu. Apabila ditanya, mereka terpaksa membuat tafsiran sendiri dan kerap kali tafsiran itu tidak tepat," jelasnya.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas merasmikan kursus penerangan kepada lebih 100 orang ketua penerangan UMNO bahagian dan perhubungan negeri di Ibu Pejabat UMNO di sini, beliau memberitahu bahawa kerajaan belum lagi menetapkan tarikh tentang penyerahan agensi-agensi awam kepada pihak swasta.

Katanya, sekiranya didapati sesuai dan menguntungkan negara dan kerajaan,

agensi-agensi yang dicadangkan seperti Keretapi, Telekom, Radio dan Televisyen Malaysia dan sebagainya akan diserahkan kepada pihak swasta sama ada secara menyeluruh atau sebahagiannya.

Mengenai kemungkinan RTM dijadikan perbadanan, Perdana Menteri menjelaskan bahawa perbadanan belum bermakna badan itu milik swasta, tetapi ia tetap milik kerajaan.

"Tujuan kita ialah untuk menyerahkan sebuah stesen radio dan televisyen kepada pihak swasta, seperti kita menyerahkan Rediffusion kepada swasta, tetapi dalam pada itu kerajaan akan memastikan perjalanannya nanti tidak bercanggah dengan dasar negara.

Gaji baru

"Dari segi penyiaran berita, misalnya, yang harus disiarkan oleh stesen radio atau televisyen swasta itu ialah berita-berita dari kerajaan, seperti yang diamalkan oleh Rediffusion sekarang," jelasnya.

Ditanya mengenai CUEPACS yang menuntut gaji baru bagi 750,000 kakitangan kerajaan, Perdana Menteri berkata kongres itu boleh menghantar cadangan kepada kerajaan seperti biasa.

Tetapi beliau menjelaskan bahawa dalam keadaan ekonomi yang masih meleset,

biasanya kerajaan tidak dapat melayani semua tuntutan itu.

"Gaji menteri pun terpaksa kita kurangkan. Kerajaan juga mengeluarkan arahan supaya menteri-menteri dan pegawai-pegawai kerajaan jangan membuat perjalanan ke luar negeri kecuali yang penting sahaja," tegasnya.

Selain itu, jelas beliau lagi, banyak perbelanjaan kerajaan sudah dikurangkan kerana "kita kekurangan wang".

Mengenai kaji semula tanggagaji kakitangan kerajaan yang dikatakan dibuat lima tahun sekali, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata kerajaan tidak pernah menetapkan yang tempoh itu harus lima tahun.

"Kaji semula tanggagaji yang terakhir telah dibuat empat tahun selepas kajian sebelumnya iaitu 1976. Kajian yang dibuat lebih awal itu tidak pula menimbulkan protes daripada mana-mana pihak," tambahnya.

Mengenai rombakan kabinetnya, beliau hanya memberitahu bahawa beliau belum membuat keputusan mengenai rombakan itu meskipun perkara itu "ada difikirkan".

Beliau juga enggan mengulas lidah pengarang Merdeka, lidah rasmi UMNO, yang menyatakan bahawa keputusan mengenai kabinetnya akan dibuat dengan mengenyakan sebarang kepentingan kelompok atau individu.